FIRST GRADE RESOURCES SDN BHD

(No. Pendaftaran SSM: 974675-H)

MANUAL POLISI & PROSEDUR

Afflora Sistem Affiliate Hibrid

Dokumen Kemukaan Kepada:

Agensi Jualan Langsung (AJL)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDN)

Kod Dokumen	PLS-AFF-001
Tarikh Disediakan	30 Jun 2026
Versi	1.0
Bahasa	Bahasa Melayu
Disediakan oleh	Mohd Faiz Fakhrulrazi bin Mohd Affandy
Diluluskan oleh	Pengarah Urusan — Zulkifli bin Yusop
Rujukan Undang-undang Utama	Akta 500, PDPA 2010, CPA 1999, CA 1999, SST 2018
Status	SULIT — UNTUK KEMUKAAN AJL SAHAJA

KANDUNGAN MANUAL

no	Bahagian	Jenis Polisi	Kandungan
1	BAHAGIAN C	Polisi Affiliate & MLM (9 Peringkat)	Keahlian, Komisen, Pendedahan Pendapatan, Anti-Piramid, Buyback

BAHAGIAN C

POLISI AFFILIATE HIBRID & SISTEM (9 PERINGKAT)

Akta Jualan Langsung dan Anti-Piramid 1993 (Akta 500) | Peraturan-Peraturan AJL 2023 | Garis Panduan Pemasaran Digital AJL

Bahagian ini mentadbir sistem affiliate hibrid Syarikat yang terdiri daripada 9 peringkat (tier). Peringkat 1 mendapat diskaun 10% sebagai ahli belian keutamaan. Semua polisi mematuhi sepenuhnya Akta 500 dan Peraturan-Peraturan AJL 2023.

C1. POLISI KEAHLIAN DAN STRUKTUR 9 PERINGKAT

Rujukan AJL: Seksyen 4, 14, 15 Akta 500 | Peraturan 8 Peraturan-Peraturan 2023

C1.1 Gambaran Keseluruhan Struktur 9 Peringkat

Peringkat	Nama Peringkat	Hak & Faedah Utama
Peringkat 1	Tier 1 (Diskaun)	Diskaun 10% daripada harga runcit untuk pembelian peribadi. Setiap ahli didaftarkan sebagai Tier 1 (T1). Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1). Tiada komisen overriding pada peringkat ini.
Peringkat 2	Tier 2	Diskaun 10% daripada harga runcit + komisen overriding 12% (rujuk C2.2). Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1).
Peringkat 3	Tier 3	Diskaun 10% daripada harga runcit + komisen overriding 18% (rujuk C2.2). Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1).
Peringkat 4	Tier 4	Diskaun 10% daripada harga runcit + komisen overriding 5% (rujuk C2.2). Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1).
Peringkat 5	Tier 5	Diskaun 10% daripada harga runcit + komisen overriding 5% (rujuk C2.2). Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1).
Peringkat 6	Tier 6 (Silver Tier)	Diskaun 10% daripada harga runcit + komisen overriding 2% (rujuk C2.2). Dibuka apabila mencapai jualan Kumpulan RM 50,000 atau membeli barangan bernilai RM 1,200. Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1).

Peringkat 7	Tier 7 (Gold Tier)	Diskaun 10% daripada harga runcit + komisen overriding 3% (rujuk C2.2). Dibuka apabila mencapai jualan Kumpulan RM 200,000 atau membeli barangan bernilai RM 1,200. Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1).
Peringkat 8	Tier 8 (Diamond Tier)	Diskaun 10% daripada harga runcit + komisen overriding 1% (rujuk C2.2). Dibuka dengan pembelian barangan bernilai RM 1,200 (pakej P8 & P9); Tier 6 dan Tier 7 mesti telah dibuka terlebih dahulu. Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1).
Peringkat 9	Tier 9 (Platinum Tier)	Diskaun 10% daripada harga runcit + komisen overriding 1% (rujuk C2.2). Dibuka dengan pembelian barangan bernilai RM 1,200 (pakej P8 & P9); Tier 6 dan Tier 7 mesti telah dibuka terlebih dahulu. Hak merekrut ahli baharu (didaftarkan sebagai T1).

C1.2 Kriteria Kelayakan Keahlian

Umur Minimum	18 tahun ke atas
Kewarganegaraan	Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap (PR)
Status Kebankrapan	Bukan pesalah bankrap yang belum dilepaskan
Had Keahlian	Hanya satu (1) akaun affiliate per individu dibenarkan
Dokumen Wajib	Salinan MyKad + maklumat akaun bank (untuk P1 yang ingin membuat affiliate) + TIN
Yuran Pendaftaran	P1 – P9: Percuma

C1.4 Kekal Aktif

- P1 – P9 (Ahli Affiliate): Syarat kekal aktif affiliate — pembelian barang bulanan untuk kegunaan peribadi RM120 ringgit bagi tujuan aktifkan akaun affiliate sahaja.
- Ahli yang tidak memenuhi syarat aktif selama 12 bulan berturut-turut akan dianggap tidak aktif.

C2. POLISI KOMISEN DAN BONUS

Rujukan AJL: Seksyen 15 Akta 500 — Pelan pampasan mestilah berdasarkan jualan produk sebenar kepada pengguna akhir, BUKAN semata-mata kerana merekrut ahli baharu.

C2.1 Komisen Jualan Peribadi

Peringkat 1	0% komisen — mendapat diskaun 10% sahaja
Peringkat 2	12% daripada nilai jualan peribadi
Peringkat Seterusnya	Setiap ahli yang direkrut dianggap sebagai Tier 1 (T1) dalam sistem dan mendapat komisen overriding daripada jualan kumpulannya sendiri sehingga 9 peringkat sahaja (rujuk C2.2).

C2.2 Komisen Overriding

Komisen overriding dikira berdasarkan jualan yang dilakukan oleh jualan setiap individu sehingga 9 peringkat.

P2 atas P1	12% daripada jualan peribadi P2 dalam kumpulan langsung
P3 atas P2 dan P1	18% daripada jualan peribadi P3 dalam kumpulan langsung
P4 atas P3, P2 dan P1	5% daripada jualan peribadi P4 dalam kumpulan langsung
P5 atas P4,P3,P2 dan P1	5% daripada jualan peribadi P5 dalam kumpulan langsung
P6 atas P5,P4,P3,P2 dan P1	2% daripada jualan kumpulan P1 dalam kumpulan langsung
P7 atas P6, P5, P4, P3, P2 dan P1	3% daripada jualan kumpulan P1 dalam kumpulan langsung
P8 atas P7, P6, P5, P4, P3, P2 dan P1	1% daripada jualan kumpulan P1 dalam kumpulan langsung
P9 atas semua	1% daripada jualan kumpulan P1 dalam kumpulan langsung
Jumlah maksimum pampasan	Komisen overriding P2 hingga P9 berjumlah 47% bersama diskaun 10% P1, jumlah keseluruhan pampasan kepada semua peringkat tidak melebihi 57% daripada harga jualan runcit.

C2.3 Bonus dan Insentif

Bonus Pengambilan	TIADA — Syarikat tidak membayar bonus semata-mata kerana merekrut
Bonus Jualan	Untuk P6 ke atas — P6 (Silver Tier) dibuka apabila mencapai jualan Kumpulan RM 50,000 atau membeli barangan bernilai RM 1,200; P7 (Gold Tier) dibuka apabila mencapai jualan Kumpulan RM 200,000 atau membeli barangan bernilai RM 1,200; P8 (Diamond Tier) dan P9 (Platinum Tier) dibuka dengan pembelian barangan bernilai RM 1,200 (pakej P8 & P9), dengan syarat P6 dan P7 telah dibuka terlebih dahulu.
Insentif Tahunan	Untuk semua ahli yang mencapai jualan yang tinggi serta mencapai target jualan yang memberansangkan.

LARANGAN: Syarikat TIDAK membayar sebarang bayaran, komisyen, atau bonus yang TERUTAMA berkaitan dengan pengambilan ahli baharu. Semua pampasan mesti berkaitan secara langsung dengan jualan produk kepada pengguna akhir. Ini adalah keperluan mandatori Akta 500 Seksyen 15.

C3. POLISI PENDEDAHAN PENDAPATAN

Rujukan AJL: Peraturan 15 Peraturan-Peraturan AJL 2023 — Semua syarikat MLM wajib menyediakan Penyata Pendedahan Pendapatan (Income Disclosure Statement / IDS)

C3.1 Penyata Pendedahan Pendapatan (IDS)

AMARAN PENTING: Pendapatan dalam sistem jualan langsung bergantung sepenuhnya kepada usaha peribadi, masa, dan kemahiran setiap ahli. Tiada jaminan pendapatan. Kebanyakan ahli mungkin tidak menjana pendapatan komisen. Data berikut adalah purata sebenar yang perlu dikemaskini setiap tahun.

Berikut adalah data pendapatan purata ahli aktif bagi tahun [XXXX] (perlu dikemaskini setiap tahun):

Peringkat	% Ahli Aktif	Pendapatan Bulanan Purata
P1 (Ahli)	[__]% daripada jumlah ahli	RM0 (mendapat diskaun sahaja)
P2 (Tier 2)	[__]% daripada jumlah ahli	RM[___] – RM[___]
P3 (Tier 3)	[__]% daripada jumlah ahli	RM[___] – RM[___]
P4 (Tier 4)	[__]% daripada jumlah ahli	RM[___] – RM[___]
P5 (Tier 5)	[__]% daripada jumlah ahli	RM[___] – RM[___]
P6 (Silver Tier)	[__]% daripada jumlah ahli	RM[___] – RM[___]
P7 (Gold Tier)	[__]% daripada jumlah ahli	RM[___] – RM[___]
P8 (Diamond Tier)	[__]% daripada jumlah ahli	RM[___] – RM[___]
P9 (Platinum Tier)	[__]% daripada jumlah ahli	RM[___] – RM[___]

C3.2 Kewajipan Mendedahkan IDS

- Penyata IDS ini mesti ditunjukkan kepada semua bakal ahli SEBELUM mereka mendaftar.
- Ahli tidak dibenarkan membuat tuntutan pendapatan yang melebihi purata yang dinyatakan dalam IDS tanpa bukti sokongan.
- IDS dikemaskini setiap tahun dan dikemukakan kepada AJL.

C4. POLISI ANTI-PIRAMID DAN PEMATUHAN AJL

Rujukan AJL: Akta 500 Bahagian III — Skim Piramid | Peraturan 3-7 Peraturan-Peraturan 2023

C4.1 Definisi Skim Piramid

Syarikat BUKAN skim piramid kerana memenuhi semua ciri berikut mengikut Akta 500:

Produk Nyata	Syarikat menjual produk/perkhidmatan yang nyata dan bernilai kepada pengguna akhir
Harga Berpatutan	Produk dijual pada harga pasaran yang munasabah, bukan harga melambung
Pampasan Berdasarkan Jualan	Komisen dibayar berdasarkan jualan produk, BUKAN kerana merekrut
Polisi Buyback	Syarikat membeli balik produk tidak terjual dari ahli
Tiada Inventory Loading	Ahli tidak dipaksa membeli lebihan stok untuk memenuhi syarat komisen
Pendedahan IDS	Syarikat mendedahkan statistik pendapatan sebenar kepada semua bakal ahli

C4.2 Larangan Khusus

- DILARANG mengenakan bayaran pendaftaran yang tinggi sebagai syarat utama penyertaan.
- DILARANG menjanjikan pulangan pelaburan atau pendapatan pasif tanpa aktiviti jualan.
- DILARANG menekankan pengambilan ahli lebih daripada penjualan produk.
- DILARANG memaksa ahli membeli stok berlebihan (inventory loading) untuk naik peringkat.
- DILARANG menggunakan tekanan, manipulasi, atau ancaman dalam proses pengambilan.

C4.3 Pematuhan Berterusan

- Syarikat mengemukakan laporan pematuhan tahunan kepada AJL setiap tahun.
- Audit dalaman pematuhan Akta 500 dijalankan setiap suku tahun.
- Sebarang perubahan kepada Pelan Jualan & Pemasaran mesti mendapat kelulusan AJL sebelum dikuatkuasakan.

C5. POLISI PEMASARAN AFFILIATE DIGITAL

Rujukan AJL: Garis Panduan Pemasaran Digital AJL | Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 | Akta Perihal Dagangan 2011

C5.1 Pendedahan Wajib dalam Pemasaran Digital

WAJIB: Semua kandungan promosi dalam talian MESTI mendedahkan status affiliate dengan jelas. Kegagalan mendedahkan adalah pelanggaran Garis Panduan AJL dan boleh menyebabkan tindakan tatatertib.

- Gunakan hashtag #Affiliate, #Pengedar Afflora, #Rakan Kongsi, atau kenyataan eksplisit 'Saya adalah pengedar rasmi Afflora'.
- Pendedahan mesti diletakkan di bahagian awal kandungan — bukan tersembunyi di bahagian bawah atau dalam cetakan kecil.
- Untuk video pendek (TikTok, Instagram Reels), pendedahan mesti muncul dalam 3 saat pertama atau dalam teks video.

C5.2 Kandungan Yang Dibenarkan

- Berkongsi pengalaman peribadi yang jujur dan benar tentang produk Syarikat.
- Menggunakan bahan pemasaran yang telah diluluskan dan disediakan oleh Syarikat.
- Membuat pautan affiliate ke halaman produk rasmi Syarikat.
- Membuat testimoni peribadi yang jujur (tidak direka-reka).

C5.3 Kandungan Yang DILARANG

- Membuat tuntutan perubatan atau kesihatan yang tidak diluluskan (cth: 'menyembuhkan kanser', 'turunkan berat badan 10kg dalam seminggu').
- Menggunakan imej, logo, atau nama Syarikat dalam cara yang mengelirukan.
- Mendakwa pengesahan oleh selebriti, doktor, atau agensi kerajaan tanpa bukti.
- Menggunakan taktik FOMO (Fear of Missing Out) palsu atau tawaran masa terhad yang tidak benar.
- Menyalin kandungan promosi competitor dan menukar nama jenama.

C5.4 Kelulusan Bahan Pemasaran

- Semua bahan pemasaran baharu (iklan berbayar, infografik, skrip video) MESTI mendapat kelulusan Bahagian Pemasaran Syarikat terlebih dahulu.
- Permohonan kelulusan hendaklah dikemukakan melalui portal affiliate dengan masa pra-kelulusan 3-5 hari bekerja.
- Bahan yang diluluskan boleh digunakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam kelulusan (biasanya 3-12 bulan).

C6. POLISI BUYBACK DAN PENCEGAHAN INVENTORY LOADING

Rujukan AJL: Keperluan Mandatory Buyback — minimum 90% bayaran balik | Peraturan 18-20 Peraturan-Peraturan AJL 2023

C6.1 Polisi Buyback Mandatori

Syarikat mematuhi keperluan buyback mandatori AJL sepenuhnya:

Kadar Minimum Buyback	90% daripada harga asal (tolak komisen berkaitan yang telah dibayar)
Tempoh Kelayakan	Dalam 12 bulan dari pembelian ATAU dalam 60 hari dari penamatan keahlian
Syarat Produk	Boleh dijual semula, belum dibuka (jika berkenaan), belum tamat tempoh
Masa Pemprosesan	Dalam 30 hari bekerja dari tarikh produk diterima
Cara Bayaran	Pindahan bank ke akaun berdaftar
Prosedur	Borang permohonan + bukti pembelian + penghantaran produk ke gudang Syarikat

C6.2 Pencegahan Inventory Loading

Inventory loading (memaksa ahli membeli stok berlebihan) adalah DILARANG di bawah Akta 500. Syarikat mengambil langkah aktif untuk mencegah amalan ini.

- Had pembelian bulanan: Ahli tidak dibenarkan membeli lebih daripada jualan bulanan purata mereka.
- Tidak memerlukan pembelian stok yang banyak, beli untuk kegunaan kendiri sudah memadai untuk mengaktifkan sistem affiliate.
- Sistem pemantauan automatik akan mengesan corak pembelian yang mencurigakan.
- Tiada syarat pembelian wajib yang berlebihan untuk kekal aktif atau naik peringkat, selain pembelian barangan untuk kegunaan peribadi yang ditetapkan dalam Pelan Pemasaran (RM 120 untuk kekal aktif dan RM 1,200 bagi pembukaan Tier 6 hingga Tier 9 melalui pembelian).
- Ahli tidak dibenarkan menekan Downline mereka untuk membeli stok berlebihan.